



**DR. MOHD. EKHWAN TORIMAN** (dua kanan) menerima sumbangan daripada **Brandon Liu** sambil disaksikan oleh **Prof. Dr. Khaliah Badri** (kanan) dan **Edmund Mah** selepas menandatangani perjanjian pelesenan di Bangi baru-baru ini.

# Kerjasama pertingkat industri burung walet

**S**ARANG burung walet yang terkenal dalam kalangan masyarakat Cina memiliki pasaran yang luas ekoran manfaat dan kebaikan nutrien serta khasiatnya.

Industri tersebut dilihat berpotensi untuk terus berkembang apabila mencapai piawai tinggi dalam penyediaannya memandangkan permintaan terhadap produk tersebut amat tinggi dalam pasaran dunia.

Malah, Malaysia merupakan negara kedua terbanyak mengeksport sarang burung walet di dunia sekali gus berpotensi menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

Baru-baru ini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan The International Swiftlet Academy (ISA) menjalin kerjasama menerusi Perjanjian Pelesenan Teknologi (TLA) dalam usaha meningkatkan industri tersebut di mata dunia.

Kerjasama tersebut melibatkan penyelidik dari UKM yang terlibat dalam industri sarang burung walet untuk menterjemahkan penyelidikan yang dijalankan kepada industri melalui inisiatif latihan dan teori.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), **Prof. Dr. Mohd. Ekhwan Toriman**, penyelidik di UKM lahir dengan empat modul yang

didapati dalam versi bahasa Inggeris dan Mandarin.

Modul tersebut adalah Sains Sarang Burung Yang Boleh Dimakan, Penyediaan Pengisian Sarang Burung Yang Boleh Dimakan, Penghasilan Coklat Buatan Tangan Secara Asas dan Penyediaan Minuman Kordial.

Beliau yang juga Pengerusi UKM Tech berkata, empat modul yang dibentuk itu akan digunakan oleh ISA dan penyelidik UKM untuk mengendalikan program latihan kepada mereka yang berminat atau terlibat secara langsung dalam industri sarang burung walet.

"Semasa saya terlibat dalam industri sarang burung pada 2003, tiada modul khas yang diberikan, sebaliknya kami hanya merujuk apa yang ada dari Indonesia.

"Kiri, sumbangan idea penyelidik dalam membentuk empat modul akan diguna pakai oleh ISA bersama penyelidik secara teori dan praktikal sepanjang tempoh kursus nanti.

"Program pertama dijalankan di pejabat ISA di Batu Caves dan Kampus UKM di Bangi," katanya.

Beliau yakin menerusi usahasama tersebut akan membantu industri sarang burung walet berkembang dari segi perolehan negara.

"Malaysia mengeksport sarang burung walet hampir 12 tan metrik sebulan dan

jumlah tersebut merupakan petanda baik. Saya percaya angka itu boleh dipertingkatkan jika industri itu dilaksanakan dengan betul mengikut piawai ditetapkan.

Sementara itu, Pengasas Bersama ISA, **Brandon Liu** berharap kerjasama yang terjalin itu dapat meningkatkan industri sarang burung di Malaysia.

"Kita mahu melihat industri ini meningkat, kerana itu perlunya pelbagai sokongan termasuk dari universiti yang memiliki kepakaran.

"Modul ini khas dicipta untuk mereka yang berminat untuk menceburi bidang perusahaan sarang burung walet dan amat sesuai untuk industri tersebut menambah baik standard sedia ada," ujarinya.

ISA memilih UKM bagi kerjasama tersebut berdasarkan kelebihanannya dalam bidang kajian dan penyelidikan berkaitan sarang burung walet.

"Misi kami untuk menyediakan peluang pembelajaran dan melahirkan pelajar yang berkelayakan dalam teori dan praktikal daripada industri sementara visi kami untuk membentuk portfolio pelajar yang memiliki kualiti standard terbaik dalam produk sarang burung serta memperbaiki kemahiran dalam prospek kerjaya. Ia bagi membolehkan mereka sukses sebagai pekerja," jelasnya. -**AQILAH MIOR KAMARULBAID**